



Bab 6: Pembahagian Sel


6.1 Pembahagian Sel






6.1 Pembahagian Sel



- Sel dalam badan kita sentiasa tumbuh, membahagi dan mati.
- sel yang mati mesti diganti dengan sel baharu
- Sel badan menghasilkan sel yang baharu melalui proses pembahagian sel.




6.1 Pembahagian Sel


- Pembahagian sel melibatkan dua peringkat iaitu:
 - Kariokinesis melibatkan pembahagian nukleus
 - Sitokinesis melibatkan pembahagian sitoplasma






Struktur dan Bilangan Kromosom






Haploid (n): Satu salinan setiap kromosom



Tiga kromosom tanpa pasangan

Diploid (2n): Dua salinan setiap kromosom



Tiga pasang kromosom homolog (satu set kromosom paternal, satu set kromosom maternal)

SEL ORGANISMA

```
graph TD; A[SEL ORGANISMA] --> B[SEL SOMA]; A --> C[SEL GAMET];
```

SEL SOMA

- Sel badan selain daripada sel gamet.
- Sel soma terhasil melalui proses mitosis.
- Mengandungi bilangan **kromosom diploid**, iaitu setiap sel mengandungi dua set kromosom atau $2n$. Dalam sel soma manusia, $2n = 46$.

SEL GAMET

- Sel gamet ialah sel pembiakan.
- Sel gamet terhasil melalui proses meiosis.
- Mengandungi bilangan **kromosom haploid**, iaitu setiap sel mengandungi hanya satu set kromosom atau n . Dalam sel gamet manusia, $n = 23$.